

TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KERJA RAYA
SEMPENA

PERHIMPUNAN BULANAN
KEMENTERIAN KERJA RAYA
BAGI BULAN FEBRUARI 2017
PADA

28 FEBRUARI 2017

(SELASA)

BERTEMPAT DI

DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID
KOMPLEKS KERJA RAYA

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia TKSU-TKSU, Ketua-Ketua Agensi, pegawai kanan kementerian dan agensi, tuan-tuan dan puan-puan warga Kementerian Kerja Raya yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Sehati Sejiwa.

1. Terlebih dahulu sukacita saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah izin dan inayah-nya, maka kita dapat bersama berhimpun pada pagi yang mulia ini. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat baginda.

UCAPAN TAHUN BAHARU 2017 DAN PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2016

2. Alhamdulillah kita telah melangkah ke tahun 2017 dan telah melepasi dua bulan dalam suku pertama bagi tahun 2017. Untuk dua bulan pertama ini KKR telah pun berada pada landasan yang betul dalam meneruskan agenda negara untuk memenuhi ekspektasi rakyat dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

3. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberi komitmen tinggi dan memainkan peranan yang sewajarnya sehingga membawa kejayaan kepada **pencapaian skor 112% bagi KPI saya** sehingga 31 Disember 2016 yang dikategorikan sebagai mencapai sasaran. Pada tahun 2017, KPI yang telah ditetapkan adalah berjumlah 9 KPI merangkumi pencapaian di bawah *Ministerial Key Result Area* (MKRA) dan *National Key Economics Area* (NKEA). Pengurusan

prestasi merupakan satu proses pengukuran yang sistematik dalam membuat perbandingan di antara pencapaian dan matlamat yang ditetapkan. Bahkan pengurusan prestasi turut diberi penekanan dalam aspirasi kerajaan melalui Gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Aspek ini memberi penekanan kepada *Key Performance Indicator* (KPI) yang digunakan secara menyeluruh untuk mengukur impak dan *outcome* terhadap program yang dilaksanakan agar inisiatif dan program tersebut memberikan impak dan *outcome* kepada pelanggan, rakyat dan *stakeholders*.

4. Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab ke atas pengurusan infrastruktur negara, segala peranan dan aktiviti yang dilaksanakan perlu sejajar dengan peranan kita untuk mendokong aspirasi kerajaan dan menambahbaik penyampaian perkhidmatan. Saya menyeru agar semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan KPI tersebut sama ada di peringkat Kementerian dan Agensi agar menyahut cabaran dan terus mempertingkatkan momentum bagi mencapai sasaran yang ditetapkan di samping menambah baik pelan tindakan dan inisiatif masing-masing.

5. Pelaksanaan haruslah memfokuskan kepada produktiviti sebagai pencapaian atau hasil kerja dengan merujuk kepada tiga definisi produktiviti iaitu (i) **hasil kerja yang sama tetapi dengan kos yang lebih rendah, (ii) hasil kerja bertambah dengan dengan kos yang sama atau (iii) hasil bertambah dengan kos yang berkurangan**. Ketiga-tiga elemen tersebut merupakan panduan kepada pelaksanaan KPI 2017 demi memastikan 9 KPI Menteri Kerja Raya yang merangkumi MKRA dan NKEA dapat mengujudkan suasana *feel good factor* kepada rakyat.

PROJEK BERKEUTAMAAN DALAM RMKE-11

6. Selaras dengan Teras Strategik Ke-5 RMKe-11, Memperkukuh Infrastruktur Bagi Menyokong Pertumbuhan Ekonomi, beberapa projek berimpak tinggi akan diteruskan pelaksanaannya iaitu:

- a) Lebuh Raya Pan Borneo
- b) Central Spine Road

- c) Lebuhraya Kota Bharu – Kuala Krai
- d) Lebuhraya Pantai Barat (WCE)
- e) Rangkaian Jalan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (RAPID) Johor.

Bagi melaksanakan projek-projek yang dirancangkan ini, Kerajaan telah memperuntukkan di bawah Bajet Pembangunan bagi Rolling Plan 2 (RP2) RMKe-11 untuk tahun 2017-2018, sebanyak **RM4.896 bilion** yang terdiri daripada:

- 21 projek baru bernilai RM4.009 bilion dengan peruntukan bagi tahun 2017 sebanyak RM0.171 bilion; dan
- 179 projek sambungan bernilai RM29.920 bilion dengan peruntukan bagi tahun 2017 sebanyak RM4.725 termasuk RM2.050 bilion untuk pinjaman mudah Kerajaan (GSL).

Kesemua projek-projek yang saya nyatakan tadi dilaksanakan dalam RMKe-11 mengikut keutamaan, berdasarkan projek janji Pilihan Raya (*Walkabout*), *Highway Network Development Plan* (HNDP) dan keutamaan Kerajaan Negeri melalui 'engagement' bersama pentadbiran kerajaan negeri.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Y.Bhg. Dato' Sri/Dato/Tuan/Puan,

6. Walaupun, kita sibuk dengan projek pembangunan negara yang melibatkan peruntukan yang besar namun, kerajaan sedar akan kepentingan sumber manusia dan perkhidmatan dalam kalangan pegawai perkhidmatan awam. Selaras dengan seruan YAB Perdana Menteri baru-baru ini, izinkan saya untuk mengulang kembali komitmen Kerajaan untuk menjadikan tahun **2017 sebagai tahun penyampaian**. Saya amat memahami bahawa ketika ini kita berhadapan situasi ekonomi yang amat getir dan ianya sedikit sebanyak memberi impak serta cabaran langsung terhadap perkhidmatan awam khususnya melibatkan konteks fungsi teras KKR. Dengan faktor sumber manusia yang kian terhad, adalah menjadi cabaran penting yang perlu ditangani dengan penuh berhemah dan bijaksana oleh semua barisan Ketua

Jabatan bagi memastikan objektif penyampaian berupaya disampaikan tanpa mengabaikan aspek kualiti dan mutu kerja yang cemerlang sebagaimana prestasi sebelumnya. Saya amat yakin, kita mampu untuk mendepani kekangan yang bersifat sementara ini dengan kolaborasi mantap dan erat semua Warga Kerjaraya. Hal ini juga adalah sejajar dengan polisi semasa kerajaan menerusi Inisiatif Penggunaan Sumber Manusia Secara Optimum oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang sedang berkuatkuasa.

KEPERLUAN SAHSIAH ROHANI WARGA KERJA PERKHIDMATAN AWAM

7. Dalam keghairahan kita menjalankan tanggungjawab sebagai penjawat awam, kadangkala kita terlupa tentang kebajikan terhadap diri kita sendiri. Baru-baru ini, kita dikejutkan dengan berita yang dilaporkan oleh NST bahawa satu (1) daripada tiga (3) orang di Malaysia berhadapan dengan isu kesihatan mental. Dapatan dan laporan ini amat mengejutkan, di mana ramai dalam kalangan kita tidak menyedari bahawa kita berhadapan dengan isu-isu kesihatan mental seperti tekanan perasaan, kemurungan dan lain-lain isu yang berkaitan. Justeru, kesedaran dan maklumat berkaitan perkhidmatan psikologi dan kesihatan mental amat penting agar boleh diamalkan oleh Warga Kerjaraya untuk menjamin kesihatan mental sentiasa di tahap yang tinggi. Penerimaan masyarakat terhadap kesihatan mental semakin terbuka berikutan usaha berterusan yang telah dilaksanakan oleh profesional di dalam bidang kesihatan mental, seperti doktor psikiatrik dan Pegawai Psikologi dalam memberi perkhidmatan advokasi kepada masyarakat. Melalui keterbukaan ini, sekurang-kurangnya dapat memberi harapan dan sinar kepada individu-individu yang berhadapan dengan isu ini untuk tampil mendapatkan rawatan yang sistematik dan terapeutik.

8. Laporan kesihatan dari Kementerian Kesihatan mendapati penyakit mental adalah yang kedua tertinggi selepas penyakit jantung di mana tekanan yang dihadapi di tempat kerja, di rumah dan dalam persekitaran pada masa ini amat menekan masyarakat kita. Masyarakat di luar amnya dan Warga Kerjaraya khasnya perlu diberikan pendedahan ilmu psikologi sendiri (*self-developmental psychology*) yang mengkhusus kepada daya tahan sosial dan pemikiran positif agar kehidupan yang dilalui sentiasa berada di landasan yang betul. Kerajaan telah melaksanakan inisiatif yang menyeluruh dalam aspek perkhidmatan psikologi dengan mewujudkan

jawatan-jawatan pegawai psikologi dari pelbagai kumpulan perkhidmatan di peringkat kementerian dan jabatan. Kementerian Kerja Raya juga mempunyai Cawangan Pengurusan Psikologi yang ditempatkan di bawah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia yang bertindak sebagai pengamal dan penyampai perkhidmatan psikologi dalam sumber manusia. Saya yakin, Pegawai-Pegawai Psikologi KKR berupaya memberi perkhidmatan yang profesional dan berkualiti. Justeru, saya menyeru kepada warga kerja KKR untuk merujuk sebarang persoalan, permasalahan dan isu kepada pegawai-pegawai psikologi yang sedia ada.

Y.Bhg. Dato' Sri/Dato/Tuan/Puan,

9. Sebagai salah satu usaha KKR untuk mencegah kecelaruan mental yang semakin meningkat pada hari ini, Kementerian Kerja Raya telah melantik ahli **AKRAB** dalam kalangan warga kerja KKR yang terlatih dan bermatlamat dalam memberi perkhidmatan sokongan kepada warga Kerja Raya melalui bimbingan yang berterusan. Saya juga difahamkan AKRAB adalah wakil kepada Cawangan Pengurusan Psikologi dalam menyebarkan luas kefahaman tentang pentingnya perkhidmatan psikologi seperti yang dituntut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2005 kerana saya yakin, "mencegah itu lebih baik daripada merawat".

PROGRAM JELAJAH FTROADPEDIA ZON TIMUR KEMENTERIAN KERJA RAYA 2017

10. Pada 23 hingga 25 Februari 2017 yang lalu, telah berlangsung program **Jelajah FTRoadpedia Zon Timur KKR** yang melibatkan semua Pengurusan Tertinggi Kementerian, Agensi, Pengamal Media bersama Rakan KKR. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak di KKR yang terlibat menjayakan program ini dan tidak lupa juga kepada JKR Negeri Pahang dan JKR Negeri Trengganu yang turut serta menjayakan program ini. Melalui program jelajah ini kita dapat memberi pembaharuan imej dan perspektif positif (*refreshment outlook*) terhadap Jalan Persekutuan yang selama ini dianggap sebagai alternative kepada lebuh raya bertol. Adalah menjadi hasrat kita supaya Jalan Persekutuan dianggap sebagai jalan utama oleh masyarakat.

11. Dengan kata mudah FTroadpedia adalah kempen Kementerian dalam mengalakkan orang ramai menggunakan jalan-jalan persekutuan berbanding lebuh raya. Program Jelajah FTroadpedia KKR dirancang untuk dilaksanakan di beberapa zon iaitu di (i) Zon Selatan - melibatkan laluan Jalan Persekutuan di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor, (ii) Zon Tengah di Selangor dan Hilir Perak dan Perak Tengah, (iii) Zon Utara di Perak Utara, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis manakala (iv) Zon Timur melibatkan jajaran laluan di Negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan.

12. Untuk makluman semua hadirin, dalam program ini ramai pihak media dijemput untuk turut bersama Kementerian berkonvoi. Banyak catatan dan rakaman lokasi-lokasi menarik telah didokumentasikan dan seterusnya bakal digunakan untuk mempromosikan jalan-jalan persekutuan melalui media cetak, elektronik dan media sosial. Melalui informasi seperti ini orang ramai dapat mengetahui tentang kemudahan yang disediakan sepanjang perjalanan di samping lokasi yang mampu memberi keselesaan kepada pengguna laluan Jalan Persekutuan. Kemuncak program FTRoadpedia ialah Majlis penyerahan dokumen Panduan Jalan Persekutuan yang kita namakan sebagai ***Travel Road Guide***. *Travel Road Guide* adalah sebagai bahan yang memberikan informasi penting mengenai Jalan Persekutuan.

PUSAT KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI (CREaTE)

Y.Bhg. Dato' Sri/Dato/Tuan/Puan,

13. Seperti kita sudah maklum, Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan Dan Teknologi, Jabatan Kerja Raya (JKR) atau CREaTE, telah mula beroperasi pada 1 September 2016. Penubuhan dan pengoperasiannya adalah bertepatan dengan aspirasi Jabatan Kerja Raya untuk menyediakan perkhidmatan bertaraf dunia dan pembangunan modal insan yang kreatif dan inovatif serta teknologi terkini selari dengan hasrat kerajaan melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP).

14. CREaTE adalah umpama jantung baru bagi JKR untuk memantapkan modal insan dengan mengukuhkan dan memperbanyakkan Subject Matter Experts (SME) untuk terus kekal relevan. Pelaksanaan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) untuk merintis jalan kecemerlangan, membudayakan inovasi dan kreativiti dan seterusnya akan menerajui bidang kejuruteraan dan teknologi. R&D akan merencanakan kemampunan dalam pengurusan pembangunan infrastruktur dan menjalankan pengujian dan akreditasi sebagai pembudayaan NBOS dengan agensi berkenaan.

15. Dalam usaha membudayakan inovasi di JKR, sehingga kini terdapat 9 projek penyelidikan sedang dilaksanakan, manakala 13 projek penyelidikan pula telah diluluskan dan di peringkat penyediaan MoU. JKR juga sedang giat melaksanakan usaha untuk mempromosikan CREaTE kepada rakan kongsi strategik di dalam bidang kompetensi, penyelidikan serta inovasi, serta institusi pengajian tinggi, institusi-institusi penyelidikan lain, dan agensi-agensi lain.

PERASMIAN STRUKTUR PELINDUNG CERUN ATAU ROCK SHED DI JALAN SIMPANG PULAI-BLUE VALLEY

16. Pada 24 Januari 2017 yang lalu YB Timbalan Menteri telah merasmikan struktur pelindung cerun yang dinamakan sebagai Rock Shed di laluan FT185 Simpang Pulai-Blue Valley. Pemikiran inovatif yang telah dipelopori telah menzahirkan satu struktur perlindungan di tepi cerun, iaitu *Rock Shed* sepanjang 444 meter yang pembinaannya melibatkan perbelanjaan lebih RM22 juta. Struktur ini adalah yang terpanjang di Malaysia dan dibina bagi melindungi jajaran jalan daripada tertimbus selain melindungi kenderaan dan pengguna sekiranya berlaku runtuh tanah dan batu. Teknologi ini adalah paling kos efektif berbanding pembinaan terowong yang kosnya berlipat kali ganda.

MUSIBAH BANJIR

Y.Bhg. Dato' Sri/Dato/Tuan/Puan,

17. Kejadian banjir dan hujan lebat berpanjangan yang berlaku di musim tengkujuh baru-baru ini iaitu pada hujung Disember 2016 sehingga awal Februari 2017, telah menyebabkan jalan mendap, cerun runtuh dan jambatan rosak di **251 lokasi** sepanjang Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri meliputi Negeri-Negeri di Pantai Timur, Utara dan Selatan. Anggaran kos kerja pembaikan adalah sebanyak **RM 550 juta bagi jalan persekutuan** meliputi kos pembaikan berkala pavemen, berkala bukan pavemen, jambatan dan cerun. Manakala anggaran kos kerja pembaikan bagi **jalan negeri adalah sebanyak RM 85 juta**. Jumlah anggaran kos adalah sebanyak **RM635 juta**, iaitu satu jumlah yang besar, memandangkan kedudukan kewangannegara yang terhad sekarang ini. Oleh itu kita perlu menggunakan segala kebijaksanaan dan kepakaran yang ada, bagi menangani masalah ini untuk mencari pendekatan yang paling kos efektif.

KAJIAN PELAN PEMBANGUNAN RANGKAIAN JALAN RAYA 2030 (HNDP 2030)

18. Kementerian Kerja Raya telah melantik perunding untuk menjalankan kajian Pelan Induk Rangkaian Jalan Raya (*Highway Network Development Plan – HNDP 2030*) yang akan menggantikan HNDP 2020. Pelan HNDP 2030 akan mengenalpasti keperluan infrastruktur jalan (*connectivity*) untuk menyokong pembangunan sosio-ekonomi negara. Dengan HNDP, Kementerian dapat mengenalpasti jalan-jalan baru dan jalan sedia ada yang perlu dinaiktaraf bagi menampung permintaan trafik masa depan. Terdapat 2 kajian HNDP 2030 yang dijalankan serentak iaitu kajian yang melibatkan keseluruhan keperluan infrastruktur Semenanjung Malaysia dan juga kajian yang melibatkan keperluan infrastruktur jalan (khusus) untuk Kawasan Lembah Klang.

KONVENSYEN USAHANITA BINAAN (KUBINA) 2017

Y.Bhg. Dato' Sri/Dato/Tuan/Puan,

19. Dalam meneruskan agenda negara memajukan kaum wanita, Konvensyen Usahanita Binaan atau KUBINA 2017 bakal berlangsung pada 11 April 2017 bersempena International Construction Week (ICW) 2017 yang dijadualkan bermula

pada 10 April hingga 14 April 2017. KUBINA merupakan sebuah program tahunan sejak tahun 2014 sebagai platform menghimpunkan wanita yang terlibat dalam industri pembinaan. Objektif penganjuran KUBINA adalah sebagai wadah untuk wanita dalam industri pembinaan bagi:

- membincangkan pembangunan dan kemajuan wanita dalam industri pembinaan;
- membina jaringan kerjasama; dan
- meningkatkan penglibatan wanita dalam industri pembinaan.

20. KUBINA yang pertama pada tahun 2014 telah dianjurkan oleh CIDB. Manakala penganjuran KUBINA pada tahun 2015 dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya, dan seterusnya Lembaga Lebuhraya Malaysia menganjurkan KUBINA pada tahun 2016. Bagi tahun ini, KKR bertindak selaku penganjur KUBINA 2017. Diharapkan agar penganjuran KUBINA 2017 akan berjalan dengan lancar dan berjaya mencapai objektif penganjurannya dalam memberi manfaat kepada golongan wanita Malaysia yang melibatkan diri dalam industri pembinaan.

PENUTUP

21. Tahun 2017 ini pasti akan memberi cabaran yang lebih dinamik kepada KKR dan agensi-agensi di bawahnya. Kita harus berani menyahutnya dan tidak gentar terhadap sebarang ancaman kerana saya yakin saya bekerja bersama-sama Warga Kerjaraya yang mempunyai kesungguhan yang tinggi, berani dan bersemangat waja disamping kesepaduan yang kuat antara kita.

22. Walaupun tahun lepas dan tahun ini, terdapat Warga Kerjaraya yang telah ditahan oleh SPRM kerana isu integriti, saya percaya sebahagian besar dari Warga Kerjaraya adalah tidak terlibat dengan perkara tersebut. Marilah sama-sama kita berikrar untuk menjauhi rasuah dan memastikan perkara itu tidak berlaku lagi di kementerian kita. Kementerian amat memandang serius mengenai perkara tersebut dan tidak akan melindungi sesiapa sahaja yang terlibat dengannya malah akan

memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak berwajib dalam menangani gejala rasuah.

23. Akhir sekali masalah sama-sama kita berdoa semoga negara kita terus kukuh, maju dan sentiasa di bawah payung kerahmatan oleh Allah SWT...Aamiin
Sekian.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.